

Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di IPT Selangor

Kod Projek: UKM-PTS-031-2009

*Latifah Abdul Majid (Ketua Projek), Ahamad Asmadi Sakat, Azwira Abdul Aziz,
Fadlan Mohd Othman, Mohd. Akil Muhamed Ali & Arif Mohd Nazri*

Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

ABSTRAK

Menyediakan graduan Pengajian Islam umumnya, dan pengajian Hadith khususnya, sebagai graduan yang berkualiti serta selaras dengan kehendak semasa merupakan salah satu agenda utama kerajaan Malaysia. Oleh itu, kerajaan Malaysia, menerusi polisi pendidikannya sentiasa menitikberatkan keperluan dan kepentingan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi Islam. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan kemudahan prasarana yang mencukupi, setanding dengan amalan terbaik yang digunakan di peringkat antarabangsa. Justeru, dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti menurut al-Qur'an dan al-Sunnah selaras dengan hasrat kerajaan, maka pengajian Hadith telah diajar/ modul di kebanyakan institusi pengajian tinggi Islam khususnya di UKM dan UM, maka diharapkan para pelajar di institusi tersebut dijangkakan mampu menguasai ilmu Hadith dengan baik, bercirikan insan yang kompeten, berinovasi serta berakhlak mulia untuk memenuhi keperluan negara dan antarabangsa. Namun, perubahan dunia dan teknologinya yang pesat sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengajian ilmu-ilmu Islam terutamanya dalam bidang hadith. Bertitik tolak dari sini maka kajian ini telah diusulkan bagi mengenal pasti keberkesanan dan kefahaman pelajar dari sistem pengajaran dan pembelajaran di institusi tersebut

Pengenalan / PERNYATAAN MASALAH

Perubahan dunia dan teknologinya yang pesat sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengajian ilmu-ilmu Islam terutamanya dalam bidang hadith. Di setengah-setengah tempat bentuk pengajian yang dilakukan masih terikat dengan kaedah-kaedah lama tanpa melihat kepada kaedah-kaedah yang terkini. Bahan-bahan yang diajar pula masih menggunakan sumber-sumber klasik yang masih belum ditahqiq/kemaskini; menyebabkan merencatkan pengajian hadith itu sendiri. Justeru, persoalan penting dalam penyelidikan ini ialah untuk mencari kaedah terbaru dan terefektif bagi mengukuhkan lagi usaha pengajian dalam bidang hadith dan *Ulum al-Hadith* di IPT umumnya dan di UKM khususnya.

MATLAMAT KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah untuk meningkatkan tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek hadith di IPT dalam membantu melahirkan lebih ramai

graduan pengajian Islam umumnya, dan pengajian hadith khususnya, sebagai graduan yang berkualiti serta selaras dengan kehendak semasa.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran hadith terhadap pelajar
2. Untuk mengenal pasti aspek perbezaan dan persamaan pengajaran dan pembelajaran hadith di UKM dan UM.
3. Untuk mengenal pasti masalah dan langkah penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran hadith dalam konteks penguasaan ilmu hadith oleh pelajar.

LIMITASI KAJIAN

Limitasi Masa

Pengkaji memulakan proses temubual, mengedarkan soalselidik dan melakukan observasi bermula dari 1 Januari 2010 sehingga 30 April 2009. Manakala analisis dokumen pula dilakukan sepanjang kajian berlangsung.

Limitasi Tempat

Kajian ini dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM). Lokasi kajian ini dipilih adalah kerana kedua-duanya merupakan universiti yang tertua di Malaysia. Pengajian hadith telah bermula seiring dengan penubuhan universiti-universiti ini. Institusi juga ini dipilih sebagai mewakili institusi lain di Malaysia yang ada pengajian hadith dan pengajian Islam.

Limitasi Kajian

Skop penyelidikan ini hanya memberi fokus mengenai proses pengajaran dan pembelajaran hadith sahaja. Aspek-aspek lain seperti pencapaian akademik tidak diberi fokus.

Limitasi Tahap

Penyelidikan ini hanyalah tertumpu kepada proses pengajaran dan pembelajaran hadith di peringkat prasiswazah sahaja.

METODE KAJIAN

Kajian berkaitan pengajian hadith di UKM dan UM, pengajaran dan pembelajarannya berdasarkan kepada dua kaedah kajian utama, iaitu kaedah kajian analisis dokumen (kepuustakaan) dan kajian lapangan. Kedua-dua kaedah ini dimanfaatkan demi memperoleh satu hasil yang dapat dipertanggungjawabkan.

Analisis Dokumen

Kajian analisis dokumen ialah satu kajian ‘utama’ dalam memperoleh bahan-bahan yang mengandungi sejarah perkembangan hadith semenjak zaman Rasulullah s.a.w sehingga kini di Malaysia seperti buku-buku, penulisan ilmiah dan tesis serta kajian-kajian penyelidikan sebelum ini yang mengkaji kurikulum dan pengajian hadith akan dibaca dan bahan-bahan ini merupakan asas dalam memulakan kajian.

Analisis dokumen juga digunakan di dalam bab perbincangan bertujuan menambahkan data-data bagi melengkapkan dan mengukuhkan lagi fakta-fakta di dalam kajian ini. Bahan-bahan tersebut didapati beberapa buah perpustakaan seperti:

1. Perpustakaan Pusat Pengajian Tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur.

Kajian Lapangan

Kajian penilaian pengajaran dan pembelajaran hadith di institusi-institusi pengajian di Selangor amat memerlukan pengumpulan data di lapangan. Sehubungan itu, metode pengumpulan data jenis semak akan digunakan di samping menggunakan beberapa teknik yang berkaitan dengan metode itu. Antara teknik yang dimanfaatkan untuk mendapatkan data di lapangan ialah i) soal selidik ii) temu bual dan iii) pemerhatian dan pengamatan.

Soal Selidik

Instrument soal selidik adalah antara instrument yang dilakukan oleh pengkaji. Melalui instrument ini maklumat sebenar berkaitan persoalan kajian diperolehi tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Seramai 47 orang pelajar yang berumur di antara 21 tahun hingga 27 tahun daripada kedua-dua universiti ini dipilih sebagai responden untuk menjawab borang soal selidik yang disediakan. 47 orang pelajar dipilih adalah berdasarkan Jadual Kadar Populasi dan Sampel (Ahmad Sunawari 2008: 77).

Pengkaji menyentuh beberapa persoalan seperti latar belakang responden, beberapa pernyataan mengenai pendekatan, pengkaedahan pengajaran, sukatan matapelajaran, penilaian pengajaran dan keberkesanan P & P yang digunapakai serta beberapa pernyataan tentang permasalahan yang sering mengganggu proses P & P. Borang soal selidik ini menggunakan kedua-dua bentuk soal-selidik iaitu soalan berstruktur dan tidak berstruktur. Skala *Likert* digunakan bagi soalan berstruktur (Ahmad Sunawari 2008: 59-61). Borang soal selidik diedarkan kepada responden dengan cara:

Mengedarkan borang soal selidik, membaca dan menerangkan item yang tidak difahami kepada responden untuk mengisi borang tersebut dan meminta responden mengembalikan borang tersebut setelah diisi.

Setelah borang soal selidik itu dipenuhi, pengkaji mengumpulkan segala data-data, kemudian dianalisis dan seterusnya dibuat keputusan serta kesimpulan daripada data-data tersebut.

a. Temu bual

Temubual dilakukan ke atas tenaga pengajar, pentadbir dan juga para pelajar. Ini adalah kerana mereka mewakili kolerasi guru yang mengajar subjek berkenaan. Temubual ini dilakukan bagi mendapatkan penjelasan dan penilaian mereka mengenai kurikulum dan pengajaran hadith. Pandangan mereka berhubung dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran hadith yang diguna pakai oleh institut mereka turut diteliti. Selain itu, masalah-masalah yang mengganggu proses P & P hadith yang dihadapi oleh institusi berkenaan turut ditinjau. Temubual ini dijalankan secara hubungan dua hala (*face to face*) dan direkodkan menggunakan MP4.

b. Instrument Pemerhatian dan Pengamatan (Observasi)

Pengkaji membuat observasi ke atas responden di universiti terbabit semasa program pembelajaran berlangsung. Pemerhatian dilakukan menggunakan instrument pemerhatian mekanikal iaitu menggunakan kamera digital untuk mendapatkan gambaran sebenar (Ahmad Sunawari 2008: 54). Perkara ini penting kerana dengan cara ini pengkaji dapat mengetahui keadaan sebenar yang berlaku di universiti tersebut.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Kajian pengajian hadith khasnya pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi di Selangor boleh dikatakan amat terbatas. Setakat ini kajian yang terdahulu hanya menumpukan pada tempat-tempat tertentu tanpa ada kajian secara kolektif dan tiada perbandingan dilakukan terhadap pengajian hadith di IPT. Kajian awal dirintis oleh Latifah Abdul Majid (2000) menyentuh secara langsung aspek pengajaran dan penulisan di Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah di UKM. Kajian beliau mengupas sistem pengajaran Hadith di Jabatan tersebut.

Namun, kajian ini tidak menyerlahkan satu analisis menyeluruh sistem pengajaran dan pembelajaran di IPT memandangkan beliau hanya memanfaatkan data terkumpul dengan memberikan tumpuan kepada pembelajaran hadith di UKM sahaja. Walaubagaimanapun, kajian ini memberikan input yang terlalu ringkas dan lebih terfokus kepada pengajian hadith di institusi UKM dan hal ini amat bersesuaian pun dengan tajuk yang diutarakan. Tegasnya di sini, bahawa persoalan pengajaran dan pembelajaran hadith di UKM dan UM belum disentuh oleh mana-mana pengkaji sebelum ini.

PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)

Persidangan dan Penerbitan

1. Latifah Abdul Majid. Pengajian Hadith di IPTA. Seminar Pemantauan Penyelidikan dan Penerbitan Fakulti Pengajian Islam 2010. *Prosiding Seminar Pemantauan Penyelidikan dan Penerbitan Fakulti Pengajian Islam*. 06 Disember 2010, Hotel Equatorial, Bangi.
2. Latifah Abdul Majid & Noor Atiqah Abdul Rahman. Pengajian Hadith di UKM. Seminar Serantau Pendidikan Islam, 24-25/July/2010, Universiti Pendidikan Sultan Idris

3. Latifah Abdul Majid dan Wan Noraini Wan Yusuf. 2009. Pendidikan al-Qur`an dan al-Sunnah Di Sekolah Menengah Agama Di Malaysia: Satu analisis tahap keberkesanannya di daerah Kota Bharu Kelantan. *Prosiding Seminar Serumpun IV*, UKM-UNHAS. 4-5 July 2009.
4. Latifah Abdul Majid, Sabri Mohamad dan Noor Atiqah Abd Rahman.2009. Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-qur`an di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Prosiding Seminar Serumpun IV*, UKM-UNHAS. 4-5 July 2009.
5. Bengkel Penyediaan dan Pemantapan Artikel Jurnal ISI/SCOPUS. 8 Julai 2011. Residence Hotel at UNITEN, Kajang, Selangor.

Modal Insan

- a) Latihan Ilmiah: Pemahaman dan Pengaplikasian Ilmu Hadith: Kajian di Jabatan Pengajian al-Qur`an dan al-Sunnah